



## **KERAJAAN MALAYSIA**

---

### **PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 15 TAHUN 2005**

---

#### **SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI ANTIDADAH, PENOLONG PEGAWAI ANTIDADAH DAN PEMBANTU ANTIDADAH**

#### **TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan kerajaan mewujudkan skim-skim perkhidmatan Pegawai Antidadah Gred S41, S44, S48, S52, S54, Penolong Pegawai Antidadah Gred S27, S32, S38, Pembantu Antidadah Gred S17, S22, S26 dan melaksanakan urusan pertukaran pelantikan selaras dengan keputusan kerajaan mewujudkan skim-skim perkhidmatan baru tersebut dalam Klasifikasi Perkhidmatan Sosial (S).

#### **LATAR BELAKANG**

2. Pada masa ini beberapa skim perkhidmatan terlibat dalam urusan pencegahan dadah, penyalahgunaan dadah dan pemulihan penagih dadah di Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) di antaranya ialah:-

- (a) Kaunselor Gred S41, S44, S48, S52;

- (b) Penolong Kaunselor Gred S27, S32, S38;
- (c) Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S41, S44, S48, S52, S54;
- (d) Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S27, S32, S38; dan
- (e) Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S17, S22, S26.

### **SKIM PERKHIDMATAN BARU**

3. Dalam usaha untuk mencapai hasrat kerajaan membebaskan negara dari ancaman dadah, kerajaan telah bersetuju mewujudkan skim-skim perkhidmatan Pegawai Antidadah, Penolong Pegawai Antidadah dan Pembantu Antidadah. Langkah ini bertujuan untuk memantapkan usaha kerajaan memerangi penyalahgunaan dan penagihan dadah serta usaha pemulihan penagih dadah. Skim-skim perkhidmatan baru ini adalah seperti di **Lampiran A1, A2 dan A3**. Urusan pengambilan ke skim-skim perkhidmatan tersebut adalah mengikut contoh iklan seperti di **Lampiran B1, B2 dan B3**. Penghuraian kerja adalah seperti di **Lampiran C1, C2 dan C3**. Jadual Gaji Matriks (JGM) adalah menggunakan JGM sedia ada di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Sosial (S) seperti di **Lampiran D1, D2 dan D3**.

### **PELAKSANAAN**

4. Kerajaan telah memutuskan hanya pegawai tetap di dalam skim-skim perkhidmatan Kaunselor, Penolong Kaunselor, Pegawai Pembangunan Masyarakat, Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat dan Pembantu Pembangunan Masyarakat yang berkhidmat di Agensi Antidadah Kebangsaan layak ditukar lantik ke skim-skim perkhidmatan Pegawai Antidadah Gred S41, S44, S48, S52, S54, Penolong Pegawai Antidadah Gred S27, S32, S38 dan Pembantu Antidadah Gred S17, S22, S26 mengikut gred yang setaraf.

5. Agensi Antidadah Kebangsaan hendaklah menghubungi Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mewujudkan jawatan Pegawai

Antidadah Gred S41, S44, S48, S52, S54, Penolong Pegawai Antidadah Gred S27, S32, S38 dan Pembantu Antidadah Gred S17, S22, S26 di Agensi Antidadah Kebangsaan secara tukar ganti dengan memansuhkan jawatan Kaunselor Gred S41, S44, S48, S52, Penolong Kaunselor Gred S27, S32, S38, Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S41, S44, S48, S52, S54, Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S27, S32, S38 dan Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S17, S22, S26 yang mana berkenaan.

## **PEMBERIAN OPSYEN**

6. Dengan pelaksanaan skim perkhidmatan Pegawai Antidadah, Penolong Pegawai Antidadah dan Pembantu Antidadah yang baru ini, Pihak Berkuasa Melantik melalui Ketua Perkhidmatan yang berkenaan akan menawarkan opsyen kepada Kaunselor, Penolong Kaunselor, Pegawai Pembangunan Masyarakat, Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat dan Pembantu Pembangunan Masyarakat yang berkhidmat di Agensi Antidadah Kebangsaan. Bagi pegawai jawatan kader Jabatan Kebajikan Masyarakat di Agensi Antidadah Kebangsaan, pemberian opsyen adalah tertakluk kepada pelepasan daripada Ketua Perkhidmatan pegawai berkenaan untuk ditukar lantik. Ketua Perkhidmatan pegawai jawatan kader akan bertukar daripada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat kepada Ketua Setiausaha Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.

7. Pegawai yang terlibat diberi tempoh 30 hari mulai tarikh surat opsyen dikeluarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran ini. Pilihan yang dibuat adalah **muktamad**. Pegawai yang tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke perkhidmatan baru ini. Mereka akan kekal dalam skim perkhidmatan sedia ada.

8. Tawaran opsyen ini diberi kepada pegawai yang bertaraf tetap, termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan dalam perkhidmatan Kaunselor, Penolong

Kaunselor, Pegawai Pembangunan Masyarakat, Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat dan Pembantu Pembangunan Masyarakat di Agensi Antidadah Kebangsaan serta telah memilih Sistem Saraan Malaysia. Pegawai lantikan sementara/kontrak/sambilan adalah tidak terlibat dalam urusan pemberian opsyen ini.

9. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada Kaunselor, Penolong Kaunselor, Pegawai Pembangunan Masyarakat, Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat dan Pembantu Pembangunan Masyarakat yang berkhidmat di Agensi Antidadah Kebangsaan yang berada dalam keadaan berikut:-

- (a) dipinjamkan atau ditukarkan sementara;
- (b) sedang bercuti;
- (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
- (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
- (e) sedang menjalani hukuman tatatertib selain daripada hukuman buang kerja.

10. Pegawai yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.

11. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan, termasuk kepada mereka seperti di perenggan 9, Pihak Berkuasa Melantik boleh menawarkan surat tawaran opsyen dengan memberi tempoh yang sama (30 hari) untuk membolehkan mereka membuat pilihan, walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.

12. Bagi maksud urusan pemberian opsyen, contoh surat tawaran, syarat pertukaran pelantikan dan borang opsyen adalah seperti di **Lampiran E1, E2, E3, F1, F2, F3, G1, G2 dan G3**.

## **KAEDAH PELARASAN GAJI**

13. Kaedah pelarasan gaji bagi pegawai yang terlibat dalam urusan pertukaran pelantikan ini akan diselaraskan ke gaji Pegawai Antidadah, Penolong Pegawai Antidadah dan Pembantu Antidadah mengikut gred mana berkenaan dan ditetapkan seperti berikut:-

- (a) gaji pegawai yang belum disahkan dalam perkhidmatan hendaklah diselaraskan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir jawatan asal di Peringkat 1 (P1);
- (b) pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal mengikut Peringkat (P) gaji mereka di jawatan asal yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa jawatan asal. Jika matagaji mengikut Peringkat (P) jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya; dan
- (c) jika matagaji di jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, maka gaji Khas Untuk Penyandang (KUP) hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam.

## **PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

14. Pergerakan gaji tahunan jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh pegawai pada 1 Julai atau 1 Oktober 2005 hendaklah diberi di jawatan asal pada 1 Julai 2005 sebelum diselaraskan ke jawatan baru. Contoh pelarasan gaji bagi pegawai yang terlibat adalah seperti di **Lampiran H1, H2, H3 dan H4**.

## **TARIKH PERGERAKAN GAJI**

15. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini hendaklah diubah kepada satu TPG baru pada tahun berikutnya selepas pelaksanaan pertukaran pelantikan. TPG baru ialah pada 1 Julai tahun berikutnya.

## **KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN**

16. Bagi melaksanakan urusan ini, Pihak Berkuasa Melantik, ketua jabatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:

(a) **Pihak Berkuasa Melantik**

Menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat.

(b) **Ketua Jabatan**

- (i) menyampaikan opsyen kepada pegawai yang terlibat;
- (ii) memberi penjelasan yang terperinci mengenai opsyen kepada pegawai yang terlibat dan implikasi keputusan yang dibuat;
- (iii) mengemas kini kenyataan perkhidmatan dan kenyataan cuti pegawai yang terlibat selaras dengan perubahan-perubahan yang berkaitan; dan

- (iv) melaksanakan pekeliling perkhidmatan ini dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh ianya diedarkan dan melaporkan kepada Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai status pelaksanaan pekeliling perkhidmatan ini.

(c) **Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen**

- (i) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah merujuk kepada ketua jabatan untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya. Opsyen yang dibuat adalah muktamad;
- (ii) melengkapkan dua (2) salinan borang opsyen iaitu satu (1) salinan untuk disimpan oleh ketua jabatan manakala satu (1) salinan lagi untuk pegawai berkenaan; dan
- (iii) membuat pilihan dalam tempoh 30 hari mulai dari tarikh surat tawaran.


**TARIKH KUAT KUASA**

17. Tarikh kuat kuasa skim-skim perkhidmatan Pegawai Antidadah Gred S41, S44, S48, S52, S54, Penolong Pegawai Antidadah Gred S27, S32, S38 dan Pembantu Antidadah Gred S17, S22, S26 ini ialah mulai **1 Julai 2005**.

## **PEMAKAIAN**

18. Peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini adalah untuk kegunaan Agensi Antidadah Kebangsaan.

**‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’**



**( DATO' ISMAIL BIN ADAM )**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

24 Jun 2005

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Ketua Setiausaha Kementerian Keselamatan Dalam Negeri

Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan

Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Akauntan Negara Malaysia

Ketua Audit Negara

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEGAWAI ANTIDADAH**

**Lampiran A1**

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN SOSIAL  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL  
**TARIKH KUAT KUASA** : 1 JULAI 2005

<b>Gred</b>	<b>Jadual Gaji Matriks</b>			
<b>Gred S41</b>	: P1T1	RM1468.60	- P1T27	RM4033.80
	P2T1	RM1550.88	- P2T27	RM4275.80
	P3T1	RM1636.79	- P3T27	RM4538.37
<b>Gred S44</b>	: P1T1	RM2587.85	- P1T14	RM4286.69
	P2T1	RM2864.94	- P2T14	RM4705.35
<b>Gred S48</b>	: P1T1	RM3780.91	- P1T8	RM5017.53
	P2T1	RM4156.01	- P2T8	RM5494.27
<b>Gred S52</b>	: P1T1	RM4256.44	- P1T8	RM5493.06
	P2T1	RM4660.58	- P2T8	RM5998.84
<b>Gred S54</b>	: P1T1	RM4486.34	- P1T8	RM5839.12
	P2T1	RM4883.22	- P2T8	RM6373.94

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
    - (a) warganegara Malaysia;
    - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
    - (c) (i) ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: P1T1); atau  
(ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: P1T3);
- dan
- (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN  
PANGKAT SECARA  
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Antidadah adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Antidadah Gred S41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau  
(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan  
(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred S41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

4. Pegawai Antidadah Gred S41 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

5. Pegawai Antidadah boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/  
PEPERIKSAAN**

6. Pegawai Antidadah Gred S41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM  
PERKHIDMATAN**

7. Pegawai Antidadah Gred S41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

- (a) memenuhi tempoh percubaan;  
(b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan  
(c) diperaku oleh ketua jabatan/ perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI  
TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP  
KECEKAPAN**

9. Pegawai Antidadah hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S44**

10. Pegawai Antidadah Gred S41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Antidadah Gred S44 yang kosong apabila telah:-

- (a) disahkan dalam perkhidmatan;  
(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;  
(c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan  
(d) diperaku oleh ketua jabatan/ perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S48**

11. Pegawai Antidadah Gred S44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Antidadah Gred S48 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh ketua jabatan/ perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S52**

12. Pegawai Antidadah Gred S48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Antidadah Gred S52 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh ketua jabatan/ perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S54**

13. Pegawai Antidadah Gred S52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Antidadah Gred S54 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperaku oleh ketua jabatan/ perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED YANG  
LEBIH TINGGI**

14. Pegawai Antidadah Gred S54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

**SKIM PERKHIDMATAN  
PENOLONG PEGAWAI ANTIDADAH**

**Lampiran A2**

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN SOSIAL  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : SOKONGAN  
**TARIKH KUAT KUASA** : 1 JULAI 2005

<b>Gred</b>	<b>Jadual Gaji Matriks</b>				
<b>Gred S27</b>	: P1T1	RM963.64	-	P1T26	RM2421.69
	P2T1	RM1019.30	-	P2T26	RM2570.52
	P3T1	RM1077.38	-	P3T26	RM2724.19
<b>Gred S32</b>	: P1T1	RM1930.43	-	P1T13	RM2874.23
	P2T1	RM2098.62	-	P2T13	RM3129.54
<b>Gred S38</b>	: P1T1	RM2401.12	-	P1T11	RM3551.83
	P2T1	RM2569.31	-	P2T11	RM3929.35

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
    - (a) warganegara Malaysia;
    - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
    - (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred S27: P1T1); atau  
(ii) diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred S27: P1T5);
- dan
- (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN  
PANGKAT SECARA  
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Antidadah adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Antidadah Gred S27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
  - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau  
(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
  - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred S27 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan

	kepada pengalaman kerja berkaitan.
<b>TEMPOH PERCUBAAN</b>	4. Penolong Pegawai Antidadah Gred S27 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
<b>LATIHAN</b>	5. Penolong Pegawai Antidadah boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan yang berkenaan.
<b>KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN</b>	6. Penolong Pegawai Antidadah Gred S27 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan yang berkenaan.
<b>PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN</b>	7. Penolong Pegawai Antidadah Gred S27 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-  (a) memenuhi tempoh percubaan;  (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan  (c) diperaku oleh ketua jabatan/ perkhidmatan.
<b>PERGERAKAN GAJI TAHUNAN</b>	8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
<b>PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN</b>	9. Penolong Pegawai Antidadah hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
<b>KENAIKAN PANGKAT KE GRED S32</b>	10. Penolong Pegawai Antidadah Gred S27 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Antidadah Gred S32 yang kosong apabila telah:-  (a) disahkan dalam perkhidmatan;  (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;  (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan  (d) diperaku oleh ketua jabatan/ perkhidmatan.
<b>KENAIKAN PANGKAT KE GRED S38</b>	11. Penolong Pegawai Antidadah Gred S32 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Antidadah Gred S38 yang kosong apabila telah:-  (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;  (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan  (c) diperaku oleh ketua jabatan/ perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
SECARA LANTIKAN  
KE PERKHIDMATAN  
PEGAWAI ANTIDADAH**

12. Penolong Pegawai Antidadah yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Antidadah Gred S41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEMBANTU ANTIDADAH**

**Lampiran A3**

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN SOSIAL  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : SOKONGAN  
**TARIKH KUAT KUASA** : 1 JULAI 2005

<b>Gred</b>	<b>Jadual Gaji Matriks</b>				
<b>Gred S17</b>	: P1T1	RM656.30	-	P1T24	RM1721.10
	P2T1	RM697.44	-	P2T24	RM1817.90
	P3T1	RM739.79	-	P3T24	RM1918.33
<b>Gred S22</b>	: P1T1	RM1532.34	-	P1T12	RM2270.44
	P2T1	RM1646.08	-	P2T12	RM2507.60
<b>Gred S26</b>	: P1T1	RM1756.19	-	P1T9	RM2385.39
	P2T1	RM1924.38	-	P2T9	RM2611.66

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
    - (a) warganegara Malaysia;
    - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
    - (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred S17: P1T1);
- dan
- (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred S17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
3. Pembantu Antidadah Gred S17 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
4. Pembantu Antidadah boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**
5. Pembantu Antidadah Gred S17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
6. Pembantu Antidadah Gred S17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
    - (a) memenuhi tempoh percubaan;
    - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan

perkhidmatan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua jabatan/ perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI  
TAHUNAN**

7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP  
KECEKAPAN**

8. Pembantu Antidadah hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S22**

9. Pembantu Antidadah Gred S17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Antidadah Gred S22 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua jabatan/ perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED S26**

10. Pembantu Antidadah Gred S22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Antidadah Gred S26 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua jabatan/ perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
SECARA LANTIKAN  
KE PERKHIDMATAN  
PENOLONG PEGAWAI  
ANTIDADAH**

11. Pembantu Antidadah yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Antidadah Gred S27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**IKLAN JAWATAN**

1. (a) Nama Jawatan : Pegawai Antidadah  
(b) Kementerian/Jabatan : Agensi Antidadah Kebangsaan  
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional  
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Sosial
  
2. Gred dan Jadual Gaji  

Gred S41	:	P1T1 RM1468.60	-	P1T27 RM4033.80
		P2T1 RM1550.88	-	P2T27 RM4275.80
		P3T1 RM1636.79	-	P3T27 RM4538.37
Gred S44	:	P1T1 RM2587.85	-	P1T14 RM4286.69
		P2T1 RM2864.94	-	P2T14 RM4705.35
Gred S48	:	P1T1 RM3780.91	-	P1T8 RM5017.53
		P2T1 RM4156.01	-	P2T8 RM5494.27
Gred S52	:	P1T1 RM4256.44	-	P1T8 RM5493.06
		P2T1 RM4660.58	-	P2T8 RM5998.84
Gred S54	:	P1T1 RM4486.34	-	P1T8 RM5839.12
		P2T1 RM4883.22	-	P2T8 RM6373.94
  
3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) (i) ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: P1T1); atau

- (ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S41: P1T3);

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Antidadah adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Antidadah Gred S41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3(c) di atas; atau
  - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
  - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
5. Taraf Jawatan : Tetap.
6. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
7. Fungsi Bidang Tugas : Bertanggungjawab merancang, mengawal, menyelia, menyelaraskan, menganalisis, mendorong dan mengendalikan pelaksanaan program-program pemulihan penagih dadah dan pencegahan dadah di dalam institusi dan komuniti serta menganalisis, menilai, mengaplikasi, membimbing dan memberi pengetahuan terhadap aktiviti penguatkuasaan

undang-undang berkaitan dengan dadah.

8. Tarikh Tutup Permohonan : (Nyatakan tarikh tutup permohonan.)

**IKLAN JAWATAN**

1. (a) Nama Jawatan : Penolong Pegawai Antidadah  
(b) Kementerian/Jabatan : Agensi Antidadah Kebangsaan  
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan  
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Sosial
  
2. Gred dan Jadual Gaji  
  
Gred S27 : P1T1 RM963.64 - P1T26 RM2421.69  
          P2T1 RM1019.30 - P2T26 RM2570.52  
          P3T1 RM1077.38 - P3T26 RM2724.19  
  
Gred S32 : P1T1 RM1930.43 - P1T13 RM2874.23  
          P2T1 RM2098.62 - P2T13 RM3129.54  
  
Gred S38 : P1T1 RM2401.12 - P1T11 RM3551.83  
          P2T1 RM2569.31 - P2T11 RM3929.35
  
3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred S27: P1T1); atau  
(ii) diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred S27: P1T5);

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Antidadah adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Antidadah Gred S27, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3 (c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

5. Taraf Jawatan : Tetap.

6. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

7. Fungsi Bidang Tugas : Bertanggungjawab membantu merancang, menyelaraskan pelaksanaan program-program pemulihan penagih dadah dan pencegahan dadah di dalam institusi dan komuniti serta melaksanakan tanggungjawab penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan dadah.

8. Tarikh Tutup Permohonan : (Nyatakan tarikh tutup permohonan.)

**IKLAN JAWATAN**

1. (a) Nama Jawatan : Pembantu Antidadah  
(b) Kementerian/Jabatan : Agensi Antidadah Kebangsaan  
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Sokongan  
(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Perkhidmatan Sosial
  
2. Gred dan Jadual Gaji  

Gred S17	:	P1T1 RM656.30	-	P1T24 RM1721.10
		P2T1 RM697.44	-	P2T24 RM1817.90
		P3T1 RM739.79	-	P3T24 RM1918.33
Gred S22	:	P1T1 RM1532.34	-	P1T12 RM2270.44
		P2T1 RM1646.08	-	P2T12 RM2507.60
Gred S26	:	P1T1 RM1756.19	-	P1T9 RM2385.39
		P2T1 RM1924.38	-	P2T9 RM2611.66
  
3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred S17: P1T1);dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
  
4. Taraf Jawatan : Tetap.

5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai yang memasuki perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi Bidang Tugas : Bertanggungjawab mengendalikan program-program pemulihan penagih dadah dan pencegahan dadah di dalam institusi dan komuniti serta membantu menguatkuasakan undang-undang berkaitan dengan dadah.
7. Tarikh Tutup Permohonan : (Nyatakan tarikh tutup permohonan.)

**PENGHURAIAN KERJA**

**PEGAWAI ANTIDADAH**

**1. SKIM PERKHIDMATAN**

Pegawai Antidadah Gred S41, S44, S48, S52, S54

**2. PERINGKAT ORGANISASI**

Agensi Antidadah Kebangsaan

**3. SPESIFIKASI JAWATAN**

3.1 Gred S41 : Membantu memastikan pelaksanaan dasar-dasar dan pencapaian matlamat bagi semua program pemulihan di institusi dan komuniti, program pencegahan dan penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan dadah, kaedah-kaedah pentadbiran pusat dan tugas- tugas lain yang diarahkan oleh pegawai atasan.

3.2 Gred S44 : Menyelia dan menggerak perancangan dasar-dasar, membantu menyusun pencapaian matlamat program pemulihan dan program pencegahan di institusi dan komuniti, menentukan penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan dadah dan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pegawai atasan.

3.3 Gred S48 : Menganalisis dan merekabentuk perancangan dasar-dasar, menyusun pencapaian matlamat program di institusi dan

komuniti, melaksanakan pengurusan pentadbiran, menyelia aktiviti-aktiviti dan memantau undang-undang berkaitan dengan dadah, mengetuai dan membimbing kumpulan pegawai di Gred S41 dan S44 dan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pegawai atasan.

3.4 Gred S52 : Menganalisis dan merekabentuk perancangan dasar-dasar secara terperinci, menyelia pencapaian matlamat bagi semua program di institusi dan komuniti serta program pencegahan, mengawal pelaksanaan pengurusan pentadbiran, menyelia aktiviti-aktiviti dan memantau perjalanan penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan dadah, mengetuai serta membimbing kumpulan pegawai Gred S41, S44 dan S48 dan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pegawai atasan.

3.5 Gred S54 : Memimpin bahagian dalam mencapai misi, visi dan objektif organisasi, menterjemah sesuatu tindakan untuk merancang dasar-dasar secara tepat dan membuat tindakan pembetulan, menyediakan perancangan untuk mencapai matlamat program pemulihan dan pencegahan di institusi dan, membuat penilaian terhadap penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan dadah dan lain-lain tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan.

#### **4. SKOP, FUNGSI DAN BIDANG TUGAS**

##### **4.1 Perkhidmatan Pemulihan Di Dalam Institusi**

Merancang, mengawal, menyelia, menyelaras, menganalisis, mendorong dan mengendalikan dengan cekap dan berkualiti program pemulihan secara profesional untuk penagih dadah yang meliputi aspek-aspek berikut:-

- (a) mengurus penghuni institusi;

- (b) merancang aktiviti operasional sesuatu bahagian meliputi program pemulihan di institusi;
- (c) mengurus kewangan dan pentadbiran berkaitan dengan program pemulihan di institusi;
- (d) merancang aktiviti pemulihan dengan meningkatkan kualiti dan produktiviti di kalangan penghuni;
- (e) mengurus prestasi organisasi secara keseluruhan seperti penentuan dasar untuk dilaksanakan oleh pegawai dan kakitangan AADK bersangkutan dengan garis panduan program di institusi;
- (f) merancang, menyusun, mengarah dan mengawal bagi memastikan dasar yang telah ditetapkan pengurusan atasan berjaya dilaksanakan; dan
- (g) melaksanakan keputusan dan bertanggungjawab dalam pembahagian dan penentuan tugas untuk penambahbaikan berterusan.

#### 4.2 Perkhidmatan Pemulihan Di Dalam Komuniti

Merancang, mengawal, menyelia, menyelaraskan, menganalisis, mendorong dan mengendalikan dengan cekap dan berkualiti program pemulihan dalam komuniti untuk penagih dan program pencegahan penagihan semula yang meliputi aspek-aspek berikut:-

- (a) mengurus klien di peringkat komuniti;
- (b) merancang aktiviti operasional sesuatu bahagian meliputi program pemulihan dalam komuniti;

- (c) mengurus kewangan dan pentadbiran berkaitan dengan program pemulihan dalam komuniti;
- (d) merancang aktiviti pemulihan dalam komuniti dan penyertaan Badan Bukan Kerajaan (NGO);
- (e) mengurus prestasi organisasi secara keseluruhan seperti penentuan dasar untuk dilaksanakan oleh pegawai dan kakitangan AADK bersangkutan dengan garis panduan program pemulihan dalam komuniti;
- (f) melaksanakan program pencegahan penagihan semula dengan agensi-agensi kerajaan, sektor swasta dan NGO di peringkat daerah, negeri, negara dan luar negara;
- (g) merancang, menyusun, mengarah dan mengawal bagi memastikan dasar yang telah ditetapkan oleh pengurusan atasan berjaya dilaksanakan; dan
- (h) melaksanakan keputusan dan bertanggungjawab dalam pembahagian dan penentuan tugas.

#### 4.3 Perkhidmatan Pencegahan

Merancang, mengawal, menyelia, menyelaras, menganalisis, mendorong dan mengendalikan dengan cekap dan berkualiti program pencegahan secara profesional meliputi aspek-aspek berikut:-

- (a) pencegahan yang dirancang bersangkutan dengan tindakan publisiti dan intervensi;

- (b) merancang aktiviti operasional sesuatu bahagian meliputi program pencegahan secara menyeluruh di daerah, negeri, negara dan luar negara;
- (c) mengurus kewangan dan pentadbiran berkaitan dengan program pencegahan;
- (d) merancang aktiviti pencegahan di semua peringkat sektor pekerjaan;
- (e) mengurus prestasi program pencegahan secara keseluruhan seperti penentuan hala tuju pencegahan untuk dilaksanakan oleh pegawai dan kakitangan AADK;
- (f) merancang, menyusun, mengarah dan mengawal program pencegahan secara global;
- (g) melaksanakan program pencegahan penagihan semula dengan agensi-agensi kerajaan, sektor swasta dan NGO di peringkat daerah, negeri, negara dan luar negara ;
- (h) merancang aktiviti operasional pendidikan pencegahan dadah di semua peringkat persekolahan dan institusi pengajian tinggi;
- (i) mengurus prestasi organisasi secara keseluruhan seperti penentuan dasar untuk dilaksanakan oleh pegawai dan kakitangan AADK bersangkutan dengan garis panduan program pencegahan di institusi; dan
- (j) memberi penumpuan kepada pelaksanaan keputusan, bertanggungjawab dalam pembahagian dan penentuan tugas dan membina kompetensi secara pbaikan berterusan.

#### 4.4 Penguatkuasaan Undang-undang

Bertanggungjawab menganalisis, menilai, membuat aplikasi, memberi bimbingan dan pengetahuan terhadap aktiviti penguatkuasaan undang-undang dadah yang meliputi aspek-aspek berikut:-

- (a) membuat penilaian terhadap keberkesanan undang-undang dadah secara intensif;
- (b) menganalisis peningkatan kes pengawasan di peringkat pemantauan undang-undang;
- (c) menggerakkan operasi pencegahan dan penguatkuasaan undang-undang; dan
- (d) memberi bimbingan dan menyalurkan maklumat peraturan dan undang-undang semasa.

### 5. HUBUNGAN KERJA

- 5.1 Dalam institusi - Pegawai dalam institusi dan penghuni.
- 5.2 Di luar institusi - Jabatan dan agensi-agensi kerajaan, NGO, keluarga, agensi dadah luar negara dan pengguna dadah.

### 6. PERSEKITARAN KERJA

- 6.1 Dalam institusi, komuniti serta peringkat antarabangsa.

## **7. KOMPETENSI YANG DIPERLUKAN**

### **7.1 Kompetensi Jawatan**

- (a) Mempunyai pengetahuan, kemahiran dan sikap yang diperlukan bagi melaksanakan program di dalam institusi dan di dalam komuniti:-
  - i. mempunyai kekuatan melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan fungsi jawatan yang diamanahkan;
  - ii. berkeupayaan menyumbang idea, selaras dengan pengetahuan dan pengalaman kerja dalam membangunkan program pemulihan di institusi, dalam komuniti dan program pencegahan;
  - iii. berkeupayaan untuk memberi aplikasi, mengembleng, mensintesis beberapa bidang pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan tugas;
  - iv. memimpin dan memberi bimbingan pengetahuan dan kemahiran kepada pegawai bawahan; dan
  - v. menganalisis secara kuantitatif terhadap semua program yang dilaksanakan.
  
- (b) Memiliki pengetahuan dan kemahiran mengendalikan program pemulihan di dalam komuniti dan pencegahan.
  - i. kebolehan intelektual melibatkan kapasiti melaksanakan tugas yang berasaskan kekuatan kognitif, kebijaksanaan

‘experiential’, kebijaksanaan ‘contextual’ dan kebolehan penyesuaian diri dengan situasi;

- ii. berkebolehan mewujudkan jaringan integrasi, komunikasi dengan agensi-agensi lain dalam mengadakan usahasama program pencegahan atau menyalurkan sumber maklumat, informasi selaras dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT); dan
  - iii. mempunyai kefahaman strategik pengurusan dan kemampuan mempertingkatkan sistem pengurusan sejajar dengan era globalisasi.
- (c) Pengetahuan dan kemahiran perundangan terutama berkaitan dengan undang-undang dadah.
- i. Berkebolehan memahami secara profesional dan menguasai pengetahuan peraturan, kaedah, akta berkaitan dengan dadah dan memiliki pengetahuan untuk menggubal dan mencadangkan beberapa perubahan dalam akta secara cekap dan tepat.

## 7.2 Kompetensi Diri

- (a) mempunyai kemahiran interpersonal, pengurusan diri, kebolehan bekerja dalam kumpulan, berfikir secara kreatif, berkemahiran menulis dan berkebolehan memimpin;
- (b) mengurus diri dengan baik dan menunjukkan komitmen yang tinggi kepada matlamat melangkaui kepentingan diri sendiri;

- (c) membangunkan saingan dan menumpukan usaha untuk memberi kesan yang maksimum;
- (d) bersemangat, jujur, amanah dan kemampuan bekerja dalam situasi;
- (e) menerima dan menghormati pelanggan;
- (f) mempunyai kemahiran mengembangkan budaya bekerja dan berinteraksi secara komunikasi menegak dan mendatar;
- (g) bersedia menentukan tujuan dan wawasan organisasi;
- (h) berkebolehan membuat keputusan dengan tepat dan menyelesaikan masalah;
- (i) berkemampuan untuk membangkitkan keyakinan dan membentuk misi organisasi; dan
- (j) bersikap telus, adil dan tegas.

## **8. PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**

8.1 Pegawai Antidadah Gred S41, S44, S48, S52 dan S54 adalah dikehendaki melepasi semua Penilaian Tahap Kecekapan yang ditetapkan.

## **9. LATIHAN YANG DIPERLUKAN**

9.1 Latihan yang diperlukan berorientasikan kepada ketrampilan diri dalam aspek rawatan dan pemulihan, pencegahan dan penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan dadah dan pengurusan, antaranya:

- (a) Kursus Induksi Umum dan Kursus Induksi Khusus;
- (b) Kursus Kerja Sosial dan Kemasyarakatan;
- (c) Kursus Asas Kaunseling;
- (d) Kursus Komunikasi Interpersonal;
- (e) Kursus Pengurusan Krisis;
- (f) Kursus Kepimpinan;
- (g) Kursus Kewangan;
- (h) Kursus Perkhidmatan;
- (i) Kursus Integriti;
- (j) Kursus Proses dan Prosedur Penguatkuasaan;
- (k) Kursus Etika Sosial;
- (l) Kursus Mengenai Penggunaan Bahan Psikoaktif;
- (m) Kursus Pengurusan Sumber Manusia; dan
- (n) Kursus Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

## **10. KEMAJUAN KERJAYA**

10.1 Pegawai yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berpeluang dinaikkan pangkat ke gred-gred yang lebih tinggi dalam skim perkhidmatan Pegawai Antidadah.

## **PENGHURAIAN KERJA**

### **PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI ANTIDADAH**

#### **1. SKIM PERKHIDMATAN**

Penolong Pegawai Antidadah Gred S27, S32, S38

#### **2. PERINGKAT ORGANISASI**

Agensi Antidadah Kebangsaan

#### **3. SPESIFIKASI JAWATAN**

3.1 Gred S27 : Bertanggungjawab melaksanakan semua program pemulihan di institusi dan komuniti, program pencegahan, menjalankan fungsi penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan dadah dan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pegawai atasan.

3.2 Gred S32 : Menyelia dan melaksanakan perancangan pemulihan dan pencegahan, membantu atau menyelia unit kecil pemulihan di institusi dan komuniti, program pencegahan, menjalankan kerja penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan dadah dan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pegawai atasan.

3.3 Gred S38 : Menggembeng dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti program pemulihan di institusi, di dalam komuniti dan menggerakkan operasi pencegahan dengan mengadakan program bersama sektor awam dan swasta, melaksanakan perancangan skop dan

fungsi pengurusan pentadbiran program, menyelia aktiviti dan penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan dadah berpandukan kepada garis panduan, arahan dan kaedah, mengetuai, membimbing sekumpulan pegawai di Gred S32, S27 dan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh pegawai atasan.

#### 4. **SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS**

##### 4.1 Perkhidmatan Pemulihan Di Dalam Institusi

Merancang dan menyelaraskan pelaksanaan program-program pemulihan dalam institusi, mendorong dan mengendalikan dengan cekap dan berkualiti program pemulihan untuk penagih dadah yang meliputi aspek-aspek:-

- (a) pengurusan hal ehwal kemasukan dan pembebasan penghuni;
- (b) menyelia pengurusan rawatan penagihan dadah (detoksifikasi) dan meliputi program pemulihan di institusi;
- (c) menyusun dan melaksanakan program kaunseling pemulihan di dalam institusi dan pra-bebas;
- (d) merancang aktiviti pemulihan dengan meningkatkan kualiti program orientasi, pengurusan asrama, program aktiviti harian;
- (e) memberi penumpuan kepada aspek penyusunan, program pra-bebas dan persediaan pra-bebas yang telah ditetapkan pengurusan atasan; dan
- (f) memberi penumpuan kepada pelaksanaan pengurusan penilaian klinikal dan menyelaraskan kenaikan fasa mengikut piawaian dan penentuan tugas pemilihan fasa penghuni mengikut kaedah perundangan;

#### 4.2 Perkhidmatan Pemulihan Dalam Komuniti dan Pencegahan

Merancang dan menyelaras pelaksanaan program-program pemulihan dan pencegahan, mendorong dan mengendalikan dengan cekap dan berkualiti program pemulihan dalam komuniti dan pencegahan meliputi aspek-aspek:-

- (a) matlamat sosial bersangkutan dengan tindakan mengurus klien di peringkat komuniti;
- (b) mengurus dan melaksanakan program dan aktiviti pencegahan dalam komuniti, tempat kerja dan institusi pendidikan di peringkat daerah;
- (c) menyediakan rancangan pemulihan bagi kes-kes pengawasan dan sukarela;
- (d) melaksanakan keperluan organisasi secara keseluruhan seperti meningkatkan kualiti pemulihan bersangkutan dengan garis panduan program pemulihan di dalam komuniti;
- (e) memantau dan memberi bimbingan serta nasihat kepada pusat-pusat rawatan dan pemulihan persendirian yang wujud di peringkat daerah;
- (f) melaksanakan usahasama program pemulihan dan pencegahan dengan agensi-agensi kerajaan, sektor swasta, dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) di peringkat daerah; dan
- (g) melaksanakan aktiviti publisiti, pendidikan dan pencegahan dadah di semua peringkat persekolahan, institusi pengajian tinggi, dalam komuniti dan di tempat kerja.

### 4.3 Penguatkuasaan Undang-undang

Melaksanakan tanggungjawab penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan dadah yang meliputi aspek berikut:-

- (a) melaksanakan Akta Dadah;
- (b) melaksanakan kerja kes pengawasan di peringkat pelaksanaan undang-undang;
- (c) menggerakkan operasi pencegahan dan bekerjasama dengan pihak penguatkuasaan undang-undang; dan
- (d) melaksanakan kerja bimbingan dan menyalurkan maklumat berkaitan peraturan dan undang-undang semasa.

## 5. **HUBUNGAN KERJA**

- 5.1 Dalam institusi - Pegawai dalam institusi dan penghuni.
- 5.2 Di luar institusi - Jabatan dan agensi-agensi kerajaan, NGO, keluarga dan pengguna dadah.

## 6. **PERSEKITARAN KERJA**

- 6.1 Dalam institusi dan komuniti

## 7. **KOMPETENSI YANG DIPERLUKAN**

### 7.1 Kompetensi Jawatan

- (a) Mempunyai pengetahuan dan kemahiran melaksanakan program di dalam institusi dan komuniti:-
  - i. mempunyai pengetahuan dan kemahiran melaksanakan tugas-tugas dan fungsi AADK ;
  - ii. berkebolehan menyumbang idea, selaras dengan program pemulihan institusi, komuniti dan pencegahan;
  - iii. berkeupayaan untuk bekerja dalam kumpulan dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melaksanakan tugas;
  - iv. memimpin dan memberi bimbingan pengetahuan dan kemahiran kepada pegawai bawahan; dan
  - v. melaksanakan kerja mengikut syif secara berjadual bagi meningkatkan keseragaman program yang dilaksanakan.
  
- (b) Memiliki pengetahuan dan kemahiran melaksanakan tugas pemulihan di institusi, komuniti dan pencegahan.
  - i. kebolehan melaksanakan tugas yang berasaskan penyesuaian diri dengan situasi;
  - ii. berkebolehan melaksanakan komunikasi dengan berkesan; dan

- iii. melaksanakan strategik pengurusan penghuni dan membantu pelaksanaan sistem pengurusan pelanggan.
- (c) Pengetahuan dan kemahiran perundangan terutama berkaitan dengan Akta Dadah:-
  - i. boleh melaksanakan secara mahir dan dapat menguasai peraturan, kaedah dan akta berkaitan.

## 7.2 Kompetensi Diri

- (a) Mempunyai kemahiran interpersonal, pengurusan diri, kebolehan bekerja dalam kumpulan, pemikiran kreatif, mempunyai kredibiliti dan kebolehan membuat keputusan;
- (b) Berketerampilan, imej yang baik ketika memimpin pegawai bawahan dan menunjukkan komitmen yang tinggi kepada organisasi;
- (c) Dapat membangunkan jati diri dan menumpukan usaha mempertingkatkan kemahiran bekerja;
- (d) Bersikap jujur dalam menerima arahan;
- (e) Menerima dan menghormati pelanggan;
- (f) Mempunyai kemahiran mengembang budaya bekerja berpasukan dan meningkatkan budaya ilmu pengetahuan;
- (g) Bersedia menghadapi krisis;
- (h) Berkebolehan membuat keputusan dengan tepat;

- (i) Berkemampuan untuk membangkitkan keyakinan dan melaksanakan misi organisasi; dan
- (j) Bersikap telus, adil dan tegas.

## 8. **PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**

8.1 Penolong Pegawai Antidadah Gred S27, S32 dan S38 adalah dikehendaki melepasi semua Penilaian Tahap Kecekapan yang ditetapkan bagi tujuan pertimbangan kenaikan pangkat dan anjakan gaji.

## 9. **LATIHAN YANG DIPERLUKAN**

9.1 Latihan yang diperlukan berorientasikan kepada keterampilan diri dalam aspek rawatan dan pemulihan, pencegahan dan penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan dadah antaranya:

- (a) Kursus Induksi Umum dan Kursus Induksi Khusus;
